

**Ongkili Kaji, Bincang Dengan Pakar Mengenai Rayuan Terhadap AELB**  
**Bernama**  
**17 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili akan mengkaji rayuan yang dikemukakan tiga individu terhadap keputusan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) menganugerahkan lesen operasi sementara (TOL) bagi Lynas Advanced Materials Plant di Gebeng, Kuantan yang diluluskan 30 Jan lepas.

Menteri berkenaan juga akan berunding dengan pakar dan pihak berkuasa sebelum membuat keputusan terhadap rayuan berkenaan secepat mungkin, menurut MOSTI dalam satu kenyataan di sini Selasa.

Kenyataan itu menyebut Ongkili hari ini mendengar rayuan yang dikemukakan Ismail Abu Bakar, Tan Ah Meng dan Abujavalli V Raman, yang mendakwa terjejas dengan keputusan AELB yang dilakukan mengikut Seksyen 32 Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 pada satu sesi pendengaran yang diadakan di ibu pejabat Nuklear Malaysia di sini hari ini.

"Menteri itu mendengar dan meneliti 14 perkara yang dibangkitkan peguam mereka sebagai asas kepada rayuan mereka.

"Peguam turut mengemukakan empat pemberi maklumat yang memberikan testimoni bagi menyokong beberapa isu dikemukakan perayu yang dianggap penting," menurut kenyataan itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659816>